



ISMAIL Sabri (dua dari kanan) pada Majlis Perasmian MIACES 2022, semalam.

**MIACES 2022**

# Komited pacu sektor agrikomoditi

Oleh Amir Abd Hamid  
amir\_hamid@  
mediaprima.com.my

ysian Sustainable Palm Oil (MSPO) bermula 2020.

“Walaupun pengeluaran minyak sawit jatuh ke tahap rendah akibat cuaca buruk

tuk Seri Dr Wee Jock Seng.

Ekspo MIACES berlangsung selama tiga hari bertemakan Memajukan Sektor Agrikomoditi Dalam Ekosis-

serta pengeksporthingga kepada penggubal dasar, penyelidik dan ahli akademik dari 39 negara,” katanya.

**K**erajaan komited memacu pembangunan sektor agrikomoditi supaya lebih kukuh, berdaya saing dan berorientasikan pasaran bagi memenuhi agenda pembangunan sosioekonomi negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sektor agrikomoditi menyediakan peluang pekerjaan kepada hampir sejuta Keluarga Malaysia di peringkat hulu, meningkatkan taraf hidup dan pendapatan rakyat terutama pekebun kecil sejak berdekad lalu.

Katanya, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan agensi yang berkaitan diberikan tanggungjawab menguruskan sektor agrikomoditi secara mampan dan antara pendekatan berkesan adalah melalui pelaksanaan secara mandatori penyijilan Mala-

pada tahun lalu, sektor agrikomoditi tetap teguh.

“Sehingga Februari lalu nilai komoditi eksport meningkat lima peratus iaitu RM31.6 bilion berbanding tempoh sama tahun lalu.

“Menjelang akhir tahun lalu, sektor ini mencapai nilai perdagangan sebanyak RM270.2 bilion iaitu peningkatan 39.7 peratus, berbanding tahun sebelumnya,” katanya ketika melancarkan Ekspo dan Sidang Kemuncak Agrikomoditi Antarabangsa Malaysia 2022 (MIACES) di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (Mitec) di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Zuraida Kamaruddin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba dan dua Timbalan Menteri KPPK, Datuk Willie Mongin serta Da-

tem Lestari bertujuan menjadi hab global pemain industri agrikomoditi dan pertama kali diadakan di Asia itu dianjurkan KPPK.

Perdana Menteri berkata, ia membabitkan penyertaan 39 negara dan lebih 350 syarikat antarabangsa.

“MIACES 2022 mampu menjadi platform terbaik untuk mempromosikan produk dan teknologi berkaitan industri sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada dan kenaf di peringkat antarabangsa.

“Kerajaan menyasar MIACES 2022 mampu menjana lebih RM300 bilion nilai eksport, sekali gus menjadi platform terbaik untuk penggiat industri agrikomoditi tempatan mengembangkan eksport produk ke pasaran baharu.

“Ini kerana ekspo ini juga akan dihadiri oleh penganjur hasil, inovator, pelabur

## Malaysia disasar jadi hab biojisim

**Kuala Lumpur:** Malaysia mampu muncul sebagai hab biojisim menerusi pembangunan ekonomi kitaran, sesuai dengan status negara sebagai pengeksport minyak sawit kedua terbesar di dunia dan penyumbang terbesar dalam industri biojisim.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, bagi memacu pembangunan ekonomi kitaran itu, tumpuan juga diberi kepada pendekatan untuk menggunakan bahan mentah daripada sisa buangan atau lebihan dalam rantaian sektor agrikomoditi.

“Ini termasuk menjadikan sumber biojisim agrikomoditi sebagai antara komponen penting dalam ekonomi kitaran.

“Kerajaan juga amat menggalakkan usaha menjadikan hampas isirung sawit sebagai bahan mentah makanan domestik akuakultur dan penternakan, bagi mengurangkan pergantungan import dan menyumbang kepada inisiatif sekuriti makanan negara,” kata beliau dalam ucapan perasmian Ekspo dan Sidang Kemuncak Agrikomoditi Antarabangsa Malaysia 2022 (MIACES), semalam.